




Bab

3

**KARYA-KARYA IBN HAJAR
DI BIDANG HADĪTH**

BAB TIGA
KARYA-KARYA IBN HAJAR
DI BIDANG HADĪTH

3.0 Pengenalan

Sumbangan Ibn Hajar di bidang Hadīth ditumpukan pula terhadap karya-karyanya. Seperti yang dinyatakan di dalam bab yang sebelumnya, Ibn Hajar memang memiliki banyak karya dari berbagai bidang ilmu pengetahuan. Di antara karyanya yang banyak itu adalah di bidang Hadīth. Karya-karya beliau ini dengan jelas membuktikan komitmen dan sumbangannya di bidang Hadīth. Hasil karyanya di bidang ini boleh didapati pada masa kini di dalam bentuk buku (kitab) dan manuskrip. Di dalam melihat persoalan ini secara yang lebih dekat, maka hasil karya Ibn Hajar di bidang Hadīth boleh dibahagikan kepada empat bahagian iaitu :

- i) Matan al-Hadīth
- ii) Sharḥ al-Hadīth
- iii) Rijāl al-Hadīth
- iv) Uṣūl al-Hadīth

Di dalam topik ini penulis akan menerangkan beberapa buah karya utama sahaja yang dihasilkan oleh Ibn Hajar dari empat bahagian tersebut sebagai membuktikan sumbangannya di bidang ini.

3.1 Matan al-Hadīth

3.1.1 Bulūgh al-Marām.

Kitab Bulūgh al-Marām ini kebanyakannya mengandungi himpunan Hadīth-Hadīth hukum. Maksud Hadīth hukum ini boleh

difahami sebagai Hadīth-Hadīth yang mengandungi pengajaran dari sudut peraturan atau undang-undang kehidupan Islam yang mesti dipatuhi oleh orang Islam. Huraian lanjut berhubung dengan Kitab ini akan dilakukan selepas bāb ini sebagai satu tumpuan kajian.

3.2 Sharh al-Hadīth

3.2.1 Fath al-Bārī bi Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī

Fath al-Bārī merupakan karya utama Ibn Hajar di bidang Sharh al-Hadīth yang turut diakui oleh ramai ulama sebagai karya terbaik di dalam menghuraikan Hadīth-hadīth di dalam Ṣaḥīḥ al-Bukhārī.

Menurut Haji Khalifah di dalam Kashf, bagi mengenalpasti kualiti dan nilai karya yang bermutu tinggi maka tiada karya lain yang dapat menandingi dengan Fath al-Bārī karya Ibn Hajar¹.

Al-Shawkānī (m.1255H/1839M), seorang tokoh mujtahid dari Yaman apabila diminta untuk menulis mengenai huraian atau Sharh al-Hadīth bagi Hadīth Ṣaḥīḥ, beliau dilaporkan menjawab ; Lā hijrata ba'd al-Fath². Kenyataan beliau ini bermaksud bahawa setelah disiapkan Fath al-Bārī oleh Ibn Hajar maka tidak perlu lagi dihasilkan karya lain bagi menghuraikan Hadīth di dalam Ṣaḥīḥ al-Bukhārī.

Berhubung hal ini 'Abd al-'Aziz al-Khawli pernah menyatakan bahawa penghasilan Fath al-Bārī oleh Ibn Hajar sesungguhnya telah

¹ Haji Khalifah, Kashf, Jil.i, h.547

² Al-Shawkānī, Miftah, h.42

menenggelamkan banyak karya Sharḥ al-Ḥadīth yang lain di dalam menghuraikan Ḥadīth di dalam Ṣaḥīḥ al-Bukhārī¹.

Walaupun ramai sarjana Islam dari berbagai tempat cuba untuk menghasilkan satu karya yang komprehensif khususnya untuk menghuraikan Ḥadīth Ṣaḥīḥ al-Bukhārī akan tetapi ramai yang kurang mampu untuk menghasilkan satu huraian yang menyeluruh dan memberi kepuasan kepada ahli Ḥadīth. Oleh yang demikian Ibn Khaldūn pernah menyatakan seperti berikut : Sharḥ Kitāb al-Bukhārī dainūn 'āla al-ummah, iaitu yang bermaksud huraian atau sharh terhadap Ṣaḥīḥ al-Bukhārī merupakan satu tanggungjawab ke atas ummah².

Berhubung persoalan di atas, sebenarnya sarjana Muslim mula menulis karya Sharḥ al-Ḥadīth terhadap Ṣaḥīḥ al-Bukhārī pada pertengahan abad keempat Hijrah. Menurut Ibn Khaldūn, walaupun terdapat banyak karya yang dihasilkan sehingga penghujung suku abad ke-8 Hijrah tetapi penghasilan mereka kurang berkualiti³.

Sehinggalah pada permulaan abad ke-9 Hijrah, muncullah Ibn Hajar menyahut tanggungjawab bagi memenuhi tuntutan ummah untuk menghasilkan sebuah karya Sharḥ al-Ḥadīth bagi Ṣaḥīḥ al-Bukhārī yang paling terbaik pernah dihasilkan⁴. Bagi menghasilkan Fath al-Bārī, Ibn Hajar telah bertungkus lumus selama 26 tahun yang dimulakan pada tahun 817H hingga 842H⁵. Mungkin berdasarkan faktor inilah maka beliau telah dapat memberikan satu sumbangan yang bermakna terhadap pengkajian

¹ Al-Shawkānī, Miftah, h.42

² Ibn Khaldun, Muqaddimah, Jil.III, h.1142

³ Ibid.

⁴ Al-Sakhāwī, al-Jawāhir, h.156

⁵ Ibid.

ilmu Hadīth.

Semasa menulis Fath al-Bārī, Ibn Hajar menulisnya sedikit demi sedikit setiap hari. Setelah menulis selama seminggu maka beliau menyerahkan penulisannya kepada anak-anak muridnya untuk disalin oleh mereka. Sekali dalam seminggu maka beliau mengadakan satu mensyuarat untuk dibincangkan persoalan yang berhubung dengan penulisannya. Pada kesempatan ini, maka anak-anak muridnya akan bersoal jawab dengan Ibn Hajar di dalam hal-hal yang tertentu. Oleh yang demikian hampir setiap minggu hasil tulisan Ibn Hajar di dalam Fath al-Bārī diperbaiki dan diedit lalu dengan segera disusun semula¹.

Di dalam Fath al-Bārī, Ibn Hajar memulakan huraianya dengan merekodkan isnād 4 orang penyemak terhadap Ṣaḥīḥ al-Bukhārī yang juga merupakan pengikut Bukhārī yang telah membaca kitab Ṣaḥīḥ bersama dengan Bukhari dan telah menyalin kitab ini. Mereka ialah² :

1. Ḥammad b. Shakir al-Nasāwī (m.290H/902M)
2. Ibrahim b. Ma'qal al-Nasafi (m.295H/907M)
3. 'Abū 'Abd Allah Muḥammad b. Yūsuf b. Matar al-Firabri (m.320H/932M)
4. 'Abū Talha Manṣūr b. Muḥammad b. 'Alī b. Qarina al-Bazdawi (m.329H/940M)

Di dalam mentafsir dan menganalisis Hadīth-hadīth ṣaḥīḥ, Ibn Hajar di dalam huraianya telah menggunakan metodologi yang tertentu dan di antaranya seperti berikut :

¹ Al-Sakhāwī, al-Jawāhir, 158.

² Ibn Hajar, Fath al-Bārī, Juzu' I, h.2-3

1) Ibn Hajar menyatakan tajuk di dalam sesuatu perenggan dan Hadīth-hadīth yang berkaitan dengannya. Kemudian beliau menghuraikan maksud teks Hadīth berserta dengan tajuk yang telah ditetapkan. Sekiranya terdapat lebih daripada satu Hadīth di dalam satu bab, maka beliau mengkategorikannya mengikut nombor yang tertentu dan menghuraikannya satu persatu.

2) Di dalam menghuraikan sesuatu Hadīth di dalam Ṣaḥīḥ, Ibn Hajar merujuk kepada berbagai bab di dalam Ṣaḥīḥ dan juga buku Hadīth yang lain. Beliau juga menyebut nama beberapa individu yang berautoriti sebagai perawi sesuatu Hadīth. Di dalam kes yang tertentu beliau menyatakan bilangan perawi yang terlibat samada di kalangan sahabat atau ṭābiʿī. Sebagai satu contoh, Hadīth al-Ifk yang merupakan di antara Hadīth yang diketahui ramai telah dikategorikan di bawah Kitāb al-Tafsīr. Menurut Ibn Hajar, selain daripada Kitāb al-Tafsīr, al-Bukhārī telah mengkategorikan Hadīth tersebut dengan lengkap di dalam bab-bab lain di dalam Ṣaḥīḥ seperti berikut¹ :

2.1 Kitāb al-Shahādah melalui isnād Fulaih

b. Sulaiman

2.2 Kitāb al-Maghāzi melalui isnād Ṣāliḥ b.

Kaysan daripada al-Zuhri

Hadīth yang sama juga menurut Ibn Hajar, telah direkodkan oleh al-Bukhārī dengan bentuk yang tidak lengkap di dalam beberapa bab yang lain di dalam Kitāb Ṣaḥīḥ seperti di dalam bāb al-Jihād, bāb al-Shahādah, bāb al-ʾaymān wa al-Nudhūr dan bāb al-Tawhid.

¹ Ibn Hajar, Fath al-Bārī, Juzu' VIII, h.344

Menurut Ibn Hajar lagi, Hadīth yang sama juga telah direkodkan oleh beberapa orang tokoh Hadīth melalui karya utama mereka. Di antaranya ialah :

- a) Muslim, melalui isnād oleh Ma‘mar dan Yūnus yang meriwayatkan dari al-Zuhri.
- b) al-Nasā‘ī, di bawah bab ishrat al-Nisā’ melalui isnād Ṣāliḥ. Begitu juga di bawah Kitāb al-Tafsir melalui isnād Muḥammad b. Thawr yang meriwayatkan daripada Ma‘mar. Begitu juga di dalam bāb al-Qaḍā’ melalui isnād Wahhab daripada Yūnus.
- c) Abū Dāwūd, di bawah bāb al-Sunnah melalui isnād Wahhab daripada Yūnus.
- d) Al-Turmudhī, melalui isnād Yūnus, Ma‘mar dan lainnya daripada Zuhri.
- e) ‘Abū ‘Awānā dan Ṭabarani, melalui isnād Yaḥya b. Sa‘id al-‘Anṣārī, ‘Ubaid ‘Allāh b. ‘Umar al-Umri, Ishāq b. Rashid, ‘Aṭa al-Khurasani, ‘Uqail dan Ibn Juraij.
- f) Abu ‘Awānā, melalui isnād Muḥammad b. Ishāq, Bakr b. Wa‘il, Mu‘awiyah b. Yaḥya dan Ḥumaid b. al-‘Ā‘raj.
- g) Ṭabarani, melalui isnād Ziyād b. Sa‘ad, Ibn Abī ‘Alīq, Ṣāliḥ b. Abū Akḥdar, Aflah b. ‘Abd ‘Allāh b. al-Mughirah, Ismā‘il b. Rāfi‘ dan Ya‘qūb b. ‘Aṭā’.

h) Ibn Mardūwayh, melalui isnād Ibn ‘Uyaynah dan ‘Abd al-Rahman b. Ishāq.

3) Ibn Hajar juga merekodkan berbagai teks Hadīth yang diriwayatkan oleh beberapa perawi dan membincangkan secara detail sejarah hidup mereka. Begitu juga beliau mengambil beberapa pandangan yang berbentuk kritikan daripada para perawi dan menyebutkan faktor-faktor perbezaan di dalam sesuatu riwayat. Di dalam membincangkan sejarah hidup para perawi beliau menghuraikan mengenai sistem ejaan atau autografi terhadap nama dan hubungan mereka di kalangan perawi khususnya bagi mereka yang sukar namanya untuk dibaca ataupun di kalangan mereka yang tidak terkenal di bidang Hadīth.

4) Berdasarkan penerbitan dari Maṭba‘ah al-Salafiyah wa Makātabatuhā dari Qahirah (1959), Fath al-Bārī terdiri dari 13 Juzū’. Di dalam setiap Juzū’ Ibn Hajar mengkategorikan pula mengiku bab-bab yang tertentu. Berikut akan dinyatakan bāb-bāb yang terdapat di dalam setiap Juzū’.

4.1) Juzū’ 1 mengandungi bāb Bad’ al-Wahyu, Kitāb al-‘Imān, Kitāb al-‘Ilm, Kitāb al-Wuḍū’, Kitāb al-Gasl, Kitāb al-Ḥaīd, Kitāb al-Tayammum dan Kitāb al-Ṣalāh.

5.2) Juzū’ 2 mengandungi Kitāb Mawāqīt al-Ṣalāh, Kitāb al-‘Adhān, Kitāb al-Ijum‘ah, Kitāb Ṣalāt al-Khawf, Kitāb al-‘Idāyn, Kitāb al-Witr, Kitāb al-Istisqā’, Kitāb al-Kusūf, Kitāb Sujūd al-Qur’ān dan Kitāb Taqṣīr al-Ṣalāh.

4.3) Juzū' 3 mengandung Kitāb al-Taḥajjud, Kitāb Fadl al-Ṣalāh, Kitāb al-'Amal fi al-Ṣalāh, Kitāb al-Sahw, Kitāb al-Janā'iz, Kitāb al-Zakāh, Kitāb al-Hajj dan Kitāb al-'Umrah.

4.4) Juzū' 4 mengandung Kitāb al-Muḥṣir, Kitāb Jazā' al-Ṣaid, Kitāb Fadā'il al-Madīnah, Kitāb al-Sawm, Kitāb Ṣalāh al-Tarāwih, Kitāb Fadl lailāt al-Qadr, Kitāb al-'Iktikāf, Kitāb al-Buyū', Kitāb al-Salm, Kitāb al-Shafa'ah, Kitāb al-'Ijarah, Kitāb al-Hawālah, Kitāb al-Kafālah dan Kitāb al-Wakālah.

4.5) Juzū' 5 mengandung Kitāb al-Ḥarth wa al-Mazara'ah, Kitāb al-Sharḥ wa al-Masāqah, Kitāb al-'Istiqrāḍ, Kitāb al-Khusūmat, Kitāb al-Luqāṭah, Kitāb al-Mazālim wa al-Ghasb, Kitāb al-Sharakah, Kitāb al-Rahn, Kitāb al-'Itq, Kitāb al-Makātib, Kitāb al-Hibbah, Kitāb al-Shahādah, Kitāb al-Ṣalh, Kitāb al-Shurūṭ dan Kitāb al-Wasāyā.

4.6) Juzū' 6 mengandung Kitāb al-Jihād wa al-Ṣayr, Kitāb Farḍ al-Khams, Kitāb al-Jizyah wa mawādi'ah, Kitāb Bad' al-Khalq dan Kitāb al-Manāqib.

4.7) Juzū' 7 mengandung Kitāb Fadā'il al-Ṣaḥābah, Kitāb Manāqib al-Ānsār dan Kitāb al-Maghāzī.

4.8) Juzū' 8 mengandung Kitāb Tafsīr Al-Qurān.

4.9) Juzū' 9 mengandung Kitāb Fadā'il al-Qurān, Kitāb al-Nikāh, Kitāb Talāq, Kitāb al-Nafāqah, Kitāb al-'It'amah, Kitāb al-'Aqīqah dan Kitāb Zabāih wa al-Ṣaid.

4.10) Juzū' 10 mengandung Kitāb al-'Adāhī, Kitāb al-'Ashrabah, Kitāb al-Marḍa, Kitāb al-Tib, Kitāb al-Libās dan Kitāb al-'Adāb.

4.11) Juzū' 11 mengandung Kitāb al-Isti'dhān, Kitāb al-Da'wah, Kitāb al-Riqāq, Kitāb al-Qadr, Kitāb al-'Aymān wa al-Nudhūr dan Kitāb al-Kaffarah al-'Aymān.

4.12) Juzū' 12 mengandung Kitāb al-Farā'id, Kitāb al-hudūd, Kitāb al-Diyāt, Kitāb al-Istitābah al-Murtadin wa al-Mu'anidin wa Oitāluhum, Kitāb al-Ikrāh, Kitāb al-Hā'il dan Kitāb al-Ta'bīr.

4.13) Juzū' 13 mengandung Kitāb al-Fitn, Kitāb al-Aḥkām, Kitāb al-Tamanni, Kitāb Akhbār al-Aḥād, Kitāb al-'Itisām bi al-Sunnah dan Kitāb al-Tawhīd.

3.3 Rijāl al-Hadīth :

3.3.1 Al-Iṣābah fi Tamyīz al-Ṣaḥābah

Sekiranya Muqaddimah Fath al-Bārī merupakan karya unggul Ibn Hajar di bidang Sharḥ al-Hadīth, maka al-Iṣābah fi Tamyīz al-Ṣaḥābah adalah karya unggul Ibn Hajar di bidang ilmu al-Rijāl.

Merujuk kepada topik kitab iaitu al-Isābah fi Tamyīz al-Sahābah jelas memperlihatkan bahawa karya Ibn Hajar ini merupakan satu biografi para sahabat yang terdiri daripada perawi Hadīth. Kitab ini telah dapat membuktikan kesungguhan Ibn Hajar di dalam usaha untuk menyusun dan mengemaskinikan senarai perawi Hadīth yang terdiri daripada lelaki dan perempuan di kalangan sahabat Nabi ﷺ.

Kitab al-Isābah karya Ibn Hajar ini mengandungi lebih kurang 9500 biografi perawi yang terdiri daripada para sahabat yang dapat bertemu dan mengenali Nabi ﷺ. Merujuk kepada pengenalan di dalam Kitab al-Isābah, Ibn Hajar telah memaparkan mengenai sejarah penyusunan Rijāl al-Hadīth oleh beberapa orang ulama' Hadīth yang awal dari beliau ¹.

Di antara ulama' tersebut ialah Ibn 'Abd al-Bārr (463H/1070M) yang telah merakamkan di dalam karyanya Istī'āb mengenai 3500 biografi Hadīth yang terdiri daripada para sahabat ². Begitu juga dengan Ibn Athīr (m.630H/1232M) di dalam kitabnya yang bertajuk Usd al-Ghabah. Di dalam Usd al-Ghabah, Ibn Athīr telah mencatatkan seramai 7554 biografi perawi sahabat ³. Menurut komentar Ibn Hajar, terdapat beberapa kesilapan di dalam kitab-kitab karangan mereka ini kerana telah memasukkan sejumlah besar biografi perawi yang sebenarnya bukan terdiri daripada kategori sahabat ⁴.

Di dalam Kitāb al-Isābah, Ibn Hajar telah menggunakan metodologi yang khusus dengan mengkategorikan para sahabat ini kepada empat kategori yang utama sebagai perawi Hadīth ⁵ :

¹ Ibn Hajar, al-Isābah, Jil.1, h.10

² Ibn 'Abd al-Bārr, Istī'āb, Jil.1, h.15

³ Ibn Athīr, Usd al-Ghabah, Jil.1, h.5

⁴ Ibn Hajar, Op.cit.

⁵ Ibid.

i) Terdiri daripada sahabat yang mempunyai hubungan dengan Rasulullah ﷺ. Ini dapat di ketahui melalui kenyataan orang lain atau melalui riwayatnya sendiri ataupun juga melalui keadaan semasa yang jelas menunjukkan persahabatan mereka dengan baginda Rasulullah ﷺ.

ii) Terdiri daripada anak-anak para sahabat yang telah lahir semasa hidupnya Rasulullah ﷺ tetapi mereka ini belum lagi matang pemikiran semasa wafatnya baginda Rasulullah ﷺ. Menurut Ibn Hajar, anak-anak para sahabat ini termasuk di dalam senarai sahabat kerana keimanan mereka yang benar-benar mantap dan kemungkinan besar Rasulullah ﷺ pernah menemui mereka.

iii) Terdiri daripada individu yang pernah hidup di dalam dua zaman iaitu zaman jahilliyyah dan di zaman awal Islam. Walaubagaimanapun tiada bukti yang menyatakan bahawa mereka ini pernah bertemu atau berjumpa dengan baginda Rasulullah ﷺ. Justeru itulah Hadīth yang diriwayatkan oleh mereka ini dipertimbangkan sebagai Hadīth Mursal.

iv) Terdiri daripada individu yang memiliki sifat-sifat yang diragukan. Walaubagaimanapun mereka ini mempunyai hubungan dengan Rasulullah ﷺ. Kedaan ini berlaku kerana nenek moyang mereka telah tersilap dengan memasukkan nama mereka di dalam senarai nama sahabat.

Di dalam al-Isābah juga Ibn Hajar telah menyenaraikan 11,000 nama yang sebenarnya bukan terdiri daripada al-Sahābah walaupun terdapat dikalangan ulama' Hadīth yang mengkategorikan mereka sebagai al-Sahābah. Bagi Ibn Hajar, ulama' yang mengkategorikan 11,000 nama tersebut sebagai al-Sahābah sesungguhnya telah melakukan beberapa kesilapan ¹.

¹ Ibn Hajar, al-Isābah, Jil.1, h.10

Sebagai seorang ulama Ḥadīth maka beliau telah menerangkan beberapa faktor kesilapan yang dilakukan oleh ulama' tersebut semasa mengkategorikan individu yang termasuk di dalam kategori al-Sahābah. Di antara faktor-faktor kesilapan tersebut menurut Ibn Ḥajar di dalam al-Isābah ialah seperti berikut ¹ :

i) Terdapat di kalangan ulama' yang terkeliru di dalam menentukan nama, keturunan dan keluarga bagi seseorang perawi. Sebagai contohnya seorang perawi bernama 'Abān yang pernah disebut sebagai al-'Abdi dan dalam keadaan yang pula disebut sebagai al-Muḥaribi. Di antara ulama yang pernah terkeliru di dalam hal ini ialah Ibn Manda (m.395H/1004M) yang mengarang sebuah kitab yang bertajuk Ma'rifat al-Sahābah ² .

Bagi membetulkan kekeliruan ini Ibn Ḥajar telah menjelaskan bahawa dua nama keluarga tersebut iaitu 'Abdi dan al-Muḥaribi sebenarnya dihubungkan kepada individu yang sama di mana al-Muḥaribi adalah berketurunan daripada qabilah 'Abd al-Qaws, manakala 'Abān digelar sebagai al-'Abdī ³ .

Pendapat Ibn Ḥajar di dalam hal ini telah disokong pula oleh Ibn Sa'd yang menjelaskan bahawa 'Abān al-Muḥaribi merupakan salah seorang sahābah yang menjadi wakil ke qabilah 'Abd al-Qaws di atas arahan Rasulullah ṢAW ⁴ .

ii) Terdapat di kalangan ulama yang terkeliru kerana tertinggal kalimah ʾAbū atau Ibn di dalam melengkapkan nama bagi seseorang perawi. Sebagai contohnya, Ibn Ḥajar pernah membetulkan fakta Ibn Manda yang pernah tertinggal kalimah ʾAbū apabila menyebut

¹ Ibn Ḥajar, al-Isābah, Jil.1, h.236

² Ibid.

³ Ibid.

⁴ Ibn Sa'ad, al-Tabaqāh, Jil.7, h.62

ʿArṭāʾ al-Tai sedangkan nama penuhnya ialah ʿAbū ʿArṭāʾ al-Tai yang merupakan seorang sahabat. Begitu juga apabila Ibn Manda pernah tertinggal kalimah Ibn apabila menyebut ʿAbjār sahaja. Oleh yang demikian Ibn Hajar membetulkan hal ini dengan melengkapkan nama tersebut sebagai Ibn Abjār ¹ .

iii) Terdapat di kalangan ulama yang terkeliru di dalam menentukan taqdim wa tā'khīr di dalam nama dan keturunan seseorang perawi. Sebagai contohnya Ibn ʿAbd al-Bārr pernah menyebut nama seorang sahabat iaitu Mālik b. Qutba ² . Di dalam hal ini menurut Ibn Hajar, yang sebenarnya ialah Qutba b. Mālik dan bukannya Mālik b. Qutba ³ . Bagi menyokong fakta ini, Ibn Hajar menyatakan Qutba yang dikategorikan sebagai al-Ṣahābah itu sebenarnya pernah meriwayatkan Hadīth dari Rasulullah ṢAW yang telah dicatatkan oleh Muslim di dalam Sahihnya di dalam bāb al-qirāʾah fi al-ṣubḥ ⁴ .

iv) Terdapat di kalangan ulama yang terkeliru kerana wujud persamaan nama terhadap dua perawi. Sebagai contohnya al-Baladhūry di dalam kitabnya ʿAnsāb al-ashrāf pernah menyebut bahawa ʿAbd al-Raḥman b. Abū Bakra (tanpa disebut nama keturunannya) telah dikategorikan sebagai seorang ṣahābah ⁵ .

Menurut Ibn Hajar, ʿAbd al-Raḥman b. Abū Bakra (tanpa disebut nama keturunannya) bukanlah seorang sahabat tetapi seorang tābiʿī kerana beliau telah lahir di dalam tahun 14 H iaitu 4 tahun selepas Rasulullah SAW wafat. Bagi Ibn Hajar, yang dimaksudkan oleh al-Baladhūri sebagai sahabat itu sebenarnya ialah ʿAbd al-raḥman b. Abū Bakra al-Thaqafi dan bukannya ʿAbd al-Raḥman b. ʿAbū Bajra tanpa nama keturunannya ⁶ .

¹ Ibn Hajar, al-Isābah, Jil.1, h.239

² Ibn ʿAbd al-Bārr, al-Istīʿāb, Jil.1, h.257

³ Ibn Hajar, Op.cit., Jil.2, h.39

⁴ Lihat Muslim, Sahih, Jil2, h.39

⁵ al-Baladhūri, ʿAnsāb al-ashrāf, Jil.1, h.493

⁶ Ibn Hajar, Op.cit., Jil.3, h.291

v) Terdapat di kalangan ulama yang terkeliru kerana berlaku kalimah yang gugur di dalam nama dan keturunan al-Sahābah. Sebagai conohnya, Ibn ‘Abd al-Bārr ¹ dan Ibn Athīr ² telah mendakwa bahawa ‘Azhār b. Qays merupakan seorang sahabat. Menurut Ibn Hajar, nama penuh sahabat tersebut ialah ‘Azhār b. ‘Abd Allah al-Hawzani an ‘Ismā’ b. Qays. ‘Ismā’ yang merupakan anak kepada Qays merupakan seorang sahabat, manakala ‘Azhār merupakan murid ‘Ismā’ ³. Oleh yang demikian adalah salah sekiranya dikatakan Azhār b. Qays sedangkan yang sebenarnya tiada hubungan keluarga di antara Azhār dan Qays.

3.3.2 Tahdhīb al-tahdhīb

Sekiranya al-Isābah dianggap sebagai karya utama Ibn Hajar yang berhubung dengan ilmu rijāl al-Hadīth khususnya di kalangan al-Sahābah, maka karyanya Tahdhīb al-tahdhīb juga turut membuktikan keilmuannya di bidang rijāl al-Hadīth. Di dalam Tahdhīb al-tahdhīb, Ibn Hajar telah menyenaraikan 13,000 biografi perawi yang meliputi banyak peringkat dan bukan hanya peringkat al-Sahābah sahaja seperti di dalam al-Isābah ⁴.

Sebelum Ibn Hajar menghasilkan Tahdhīb al-tahdhīb sebenarnya al-Mizzi (m.742H/1341M) telah menghasilkan karya Tahdhīb al-Kamāl yang merupakan juga karya di bidang rijāl al-Hadīth ⁵. Memandangkan Ibn Hajar menghasilkan Tahdhīb al-tahdhīb selepas al-Mizzi menghasilkan karyanya, maka sudah pastilah penghasilan Ibn Hajar nampak lebih kemas berbanding penghasilan al-Mizzi.

¹ Ibn ‘Abd al-Bārr, Isti‘āb, Jil.1, h.46

² Ibn Athīr, ‘Uṣd al-Ghabah, Jil.1, h.63

³ Ibn Hajar, al-Isābah, Jil.1, h.239

⁴ Ibn Hajar, Tahdhīb al-tahdhīb, Jil.1, h.3

⁵ Ibid. h.4

Di dalam Muqaddimah Tahdhīb al-tahdhīb, Ibn Hajar telah mengulas beberapa kelemahan dari aspek-aspek tertentu di dalam karya al-Mizzi yang dianggap sebagai karya di bidang rijāl al-Hadīth. Menurut Ibn Hajar di antara kelemahan yang ketara dilakukan oleh al-Mizzi di dalam karyanya ialah seperti berikut ¹:

i) Selepas merekodkan biografi perawi Hadīth di dalam karyanya, al-Mizzi tidak menyebut secara jelas Hadīth-Hadīth yang diriwayatkan oleh mereka.

ii) al-Mizzi tidak merekodkan secara jelas dan mendalam beberapa biografi tokoh perawi Hadīth yang sewajarnya disentuh apabila membicarakan persoalan mengenai ilmu rijāl al-Hadīth.

iii) Kelemahan ketara al-Mizzi ialah hanya menfokuskan sejarah atau biografi perawi Hadīth tanpa melakukan analisis yang kritikal terhadap mereka sedangkan menurut Ibn Hajar aspek itulah yang menjadi asas di dalam ilmu rijāl al-Hadīth.

Di dalam Tahdhīb al-tahdhīb, Ibn Hajar nampaknya telah menfokuskan aspek mengkritik ramai perawi dan biografi yang telah digariskan oleh al-Mizzi kerana beberapa kelemahan seperti yang telah dihuraikan sebelum ini.

Berhubung hal ini, Ibn Hajar juga telah mempertikaikan metodologi yang digunakan oleh al-Mizzi di dalam menghuraikan biografi perawi Hadīth. Al-Mizzi secara jelas hanya memberi penekanan terhadap seseorang perawi dari sudut hubungan dengan anak muridnya dan guru-gurunya sahaja. Walaupun usaha yang dilakukan oleh al-Mizzi nampak berjaya, tetapi di dalam

¹ Ibn Hajar, Tahdhīb al-tahdhīb, Jil.1, h.4

analisisnya terhadap beberapa orang tokoh perawi Hadith ternyata tidak lengkap. Sebagai satu contoh, al-Mizzi tidak menghuraikan dengan lengkap beberapa tokoh perawi seperti Sufyan al-Thawri, Abū Dāwūd al-Tayalisi, Muḥammad b. Ismā'īl al-Bukhārī dan Yahyā b. Sa'īd al-ʿansārī dari aspek anak murid dan guru-guru mereka secara lengkap kerana mereka itu mempunyai ribuan guru dan ramai anak-anak muridnya ¹ .

Berhubung hal ini, di dalam Tahdhīb al-tahdhīb Ibn Hajar telah menggunakan metodologi yang berlainan dengan metodologi yang digunakan oleh al-Mizzi. Di dalam menganalisis biografi perawi-perawi Hadīth, Ibn Hajar hanya merekodkan sheikh-sheikh dan anak murid perawi berkenaan yang dikenali sahaja dan perbincangan diakhiri dengan menyebut biografi anak murid perawi tersebut yang telah meninggal dunia akhir sekali di antara anak murid yang lain ² .

Di dalam Tahdhīb al-tahdhīb walaupun Ibn Hajar banyak mengkritik metodologi al-Mizzi dan pandangannya tetapi di dalam beberapa keadaan beliau turut mengambil pendapat al-Mizzi dan ulama'-ulama bagi tujuan penyokongan fakta dan perbandingan. Berhubung hal ini, Ibn Hajar telah menggunakan dua istilah iaitu "qultu" dan "tamyiz".

Istilah "qultu" telah digunakan oleh Ibn Hajar untuk tujuan menyatakan pandangannya apabila menghuraikan seseorang nama perawi setelah mengemukakan pandangan ulama yang lain berhubung perawi tersebut ³ .

¹ Ibn Hajar, Tahdhīb al-tahdhīb, Jil.1, h.5

² Ibid.

³ Ibid.

Manakala istilah "tamyiz" digunakan secara khusus untuk membuat perbandingan berhubung dengan pandangannya terhadap biografi seseorang perawi dengan pandangan al-Mizzi. Sebagai satu contoh, Ibn Hajar telah merekodkan pandangan al-Mizzi terhadap nama seorang perawi sebagai Ahmad b. Bakr al-Dimashqi dan kemudiannya beliau menambah mengenai biografi Ahmad b. Bakar al-Dimashqi berserta dengan istilah "tamyiz" sebagai satu perbandingan dari pandangannya ¹ .

Daripada huraian ini jelaslah bahawa karya Ibn Hajar yang berhubung dengan ilmu perawi (rijāl al-Hadīth) yang seperti ini amat bermakna di dalam menerangkan kualiti dan tahap setiap perawi Hadīth supaya sebarang keraguan yang timbul berhubung dengan perawi (rijāl al-Hadīth) mampu ditangani oleh ulama Hadīth.

3.2.3 Taqrīb al-Tahdhīb

Selain menghasilkan al-Isābah dan Tahdhīb al-tahdhīb, Ibn Hajar juga telah menghasilkan Taqrīb al-Tahdhīb sebagai salah satu karyanya di bidang rijāl al-Hadīth.

Di dalam Taqrīb al-Tahdhīb, Ibn Hajar telah menyenaraikan nama-nama perawi secara lengkap sehingga dinyatakan nama bapanya, datuknya, keturunannya, kematiannya dan disebut juga ejaan bagi nama perawi tersebut serta membuat penilaian terhadap perawi itu berdasarkan kategori atau yang disebutnya sebagai peringkat (marātib) atau (tabaqāt) ² .

¹ Ibn Hajar, Tahdhīb al-tahdhīb, Jil.1, h.5

² Ibn Hajar, Taqrīb al-Tahdhīb, h.5

Di antara tujuan Ibn Hajar mengkategorikan perawi-perawi tersebut kepada peringkat (marātib) dan tingkatan (ṭabaqāt) ialah untuk memastikan mereka melalui proses mengenal pasti kecacatan atau jarḥ dan mengenal pasti keadilan atau ta'dīl yang merupakan tujuan utama di dalam ilmu rijāl al-Hadīth.

Perawi-perawi yang terdapat di dalam Taqrīb al-Tahdhīb ini telah dikategorikan kepada 12 peringkat (marātib) yang berdasarkan kepada kualiti perawi dan 12 tingkatan (ṭabaqāt) yang berdasarkan pula kepada umur para perawi.

Di dalam merekodkan setiap biografi perawi, beliau telah menggunakan istilah yang tertentu di dalam mengkategorikan mereka ke dalam peringkat peringkat (marātib) dan tingkatan (ṭabaqāt)¹. Berikut ialah 12 peringkat (marātib) perawi Hadīth yang telah dikategorikan oleh Ibn Hajar di dalam Taqrīb al-Tahdhīb:

- 1) al-Sahābah
- 2) ʿAwthāq al-nās, ṣadūq ṣadūq dan ṭhiqat ḥafīz
- 3) Ṭhiqat ḥafīz
- 4) Ṣadūq lā bā'sā bihi
- 5) Yukhtī'u atau Lahu ʿawhām
- 6) Maqbūl atau layyīn al-Hadīth
- 7) Mastūr atau majhūl al-Hāl

¹ Ibn Hajar, Taqrīb al-Tahdhīb, Jil.1, h.5

- 8) Da'if
- 9) Majhūl
- 10) Matrūk atau matrūk al-Hadīth
- 11) Muttaham bi al-Kidhb
- 12) Yada'u atau Wadda'ūn

Menurut Ibn Hajar, Hadīth yang diriwayatkan oleh perawi yang mempunyai martabat kedua atau ketiga merupakan Hadīth yang mempunyai nilai yang paling tinggi sekali. Manakala Hadīth yang diriwayatkan oleh perawi yang mempunyai martabat pertama dan keempat merupakan Hadīth yang mempunyai nilai yang kedua tinggi atau yang telah dikategorikan oleh al-Tirmidhī sebagai Hasan¹.

Hadīth yang diriwayatkan oleh perawi yang mempunyai martabat kelima dan keenam dianggap sebagai Hadīth mardūd sehingga disokong oleh beberapa isnād. Manakala martabat enam dan seterusnya dikategorikan sebagai mardūd juga ataupun dā'if, munkar, mawḍū' dan seterusnya yang bergantung kepada kelemahan perawi ².

¹ Ibn Hajar, Taqrīb al-Tahdhīb, Jil.1, h.6

² Ibid.

Di dalam mengkategorikan perawi Hadīth, Ibn Hajar telah menyediakan 12 tingkatan (ṭabaqāt) perawi seperti berikut ¹ :

- 1) Para sahabat Nabi Ṣāw
- 2) Kibār al-Ṭabīʿīn seperti Ibn Musayyib
- 3) al-Wuṣṭā seperti Hasan dan Ibn Sirin
- 4) Selepas ṭabaqāt al-wuṣṭā seperti al-Zuhri dan Qatadah
- 5) al-Sughra seperti al-ʿAʿmash
- 6) Ṭabaqāt yang hidup sezaman dengan ṭabaqāt kelima tetapi mereka tidak pasti berjumpa dengan mana-mana sahabat pun seperti Ibn Juraij.
- 7) Ṭabaqāt Kibār ṭabīʿ al-ṭabīʿīn seperti Mālik b. ʿAnas dan Sufyan al-Thawri
- 8) Ṭabaqāt al-wuṣṭā daripada kalangan Ṭabīʿ al-Ṭabīʿīn seperti Ibn ʿUyainah dan Ibn ʿUlayyah.
- 9) Ṭabaqāt al-sughra daripada kalangan ṭabīʿ al-ṭabīʿīn seperti Abū Dāwūd al-Tayalisi dan al-Shafiʿi.
- 10) Ṭabaqāt al-kibār yang mengambil Hadīth daripada atbāʿ al-ṭabīʿīn, tetapi mereka tidak sempat berjumpa dengan ṭabīʿīn seperti Ahmad b. Hanbal.

¹ Ibn Hajar, Taqrīb al-Tahdhīb, Jil.1, h.6

- 11) Ṭabaqāt al-wūṣṭa daripada kalangan ṭabaqāt kesepuluh seperti al-Zuhli dan al-Bukhārī.
- 12) Ṭabaqāt al-ṣiḡhar yang mengambil Ḥadīth daripada ātbā' al-tābi'in seperti al-Tirmidhi.

Daripada 12 peringkat (ṭabaqāt) yang dikategorikan oleh Ibn Hajar ini jelas menunjukkan bahawa perawi-perawi Ḥadīth yang hidup di dalam abad 1 Hijrah telah dikategorikan di dalam ṭabaqāt yang kedua. Manakala ṭabaqāt yang ketiga hinggalah yang kelapan adalah merupakan perawi yang hidup di dalam abad yang kedua Hijrah dan perawi yang hidup di dalam abad yang ketiga Hijrah telah dikategorikan ke dalam ṭabaqāt yang berikutnya.

Sebagai tambahan untuk mengkategorikan perawi-perawi yang terdapat di dalam Taqrīb al-Tahdhīb khususnya di kalangan tokoh perawi, maka Ibn Hajar telah memperkenalkan tanda atau simbol yang khusus seperti ba (ب) untuk Imam Bukhari dan mim (م) untuk Imam Muslim.

Daripada penerangan ringkas yang berhubung dengan kitab Taqrīb al-Tahdhīb ini telah membuktikan lagi keilmuan Ibn Hajar di bidang perawi (rijāl al-Ḥadīth) dan sekaligus memperlihatkan sumbangannya yang besar terhadap ilmu Ḥadīth.

3.4 Uṣūl al-Ḥadīth

3.4.1 Nuzhah al-Nazar Nukhbah al-Fikr fi Mustalah 'Ahl al-Athar

Sumbangan Ibn Hajar terhadap ilmu Uṣūl al-Ḥadīth atau 'Ulūm al-Ḥadīth' dapat dinilai melalui karya ringkasnya yang bertajuk Nuzhah al-Nazar Nukhbah al-Fikr fi Mustalah 'Ahl al-Athar. Di atas

tujuan untuk memperjelaskan di dalam Nukhbah, maka Ibn Hajar telah menulis satu kitab yang bernama Sharh al-Nukhbah Nuzhah al-Nazar fi Tawdih Nukhbah al-Fikr .

Sekiranya dibuat perbandingan di antara Sharh al-Nukhbah karya Ibn Hajar dengan Muqaddimah karya Ibn al-Ṣalāh dari aspek huraian terhadap Ilmu Uṣūl al-Hadīth, maka terdapat beberapa perbezaan yang nyata. Dari sudut perbincangan terhadap topik-topik, Ibn Hajar telah membincangkan lebih kurang 100 topik berkenaan dengan istilah-istilah ‘Ulūm al-Hadīth ¹ .

Walaubagaimanapun realiti ini berbeza di dalam Muqaddimah Ibn al-Ṣalāh yang hanya membincangkan 65 topik sahaja yang berkaitan dengan istilah ‘Ulūm al-Hadīth ² .

Oleh yang demikian terdapat beberapa perbezaan dari sudut pandangan terhadap Uṣūl al-Hadīth di antara Ibn Hajar dengan ulama-ulama Hadīth yang lain. Di antara beberapa perbezaan tersebut ialah ³ ;

i) Ibn Hajar memulakan perbincangan di dalam Ilmu Uṣūl al-Hadīth dengan membincangkan aspek mutawātir dan ahād bagi sesuatu Hadīth. Kemudian barulah disusuli dengan perbincangan dari sudut ṣaḥīḥ, ḥasan dan ḍāʿif. Walaubagaimanapun bagi kebanyakan Ahl al-Hadīth, mereka lebih suka memulakan perbincangan dari sudut ṣaḥīḥ, ḥasan dan ḍāʿif sesuatu Hadīth tanpa melihat dari aspek mutawātir dan ahād.

ii) Di dalam menentukan bilangan perawi yang ʿadil dan thiqah di dalam sesebuah Hadīth, Ibn Hajar berbeza pendapat dengan

¹ Ibn Hajar, Nuzhah al-Nazar, h.3

² Lihat Ibn al-Ṣalāh, Muqaddimah, h.7

³ Lihat Ibn Hajar, Op.cit., h.5 dan Ibn al-Ṣalāh, Ibid.

beberapa ulama' Hadīth. Menurut Ibn Hajar, tidak wajar ditetapkan bilangan yang tertentu di kalangan perawi sahabat (sebagaimana pandangan sebahagian ulama Hadīth) bagi menilai kesahihan sesuatu Hadīth. Sebagai buktinya, Bukhari telah mengambil Hadīth yang telah diriwayatkan oleh seorang perawi yang bernama Yahya bin Sa'īd al-Anṣārī (144H/761M). Yahya telah meriwayatkan Hadīth ini dari seorang perawi juga iaitu Muḥammad bin Ibrahim (120H/737M), dan beliau juga telah meriwayatkan Hadīth tersebut dari 'Alqamah¹.

iii) Berhubung dengan persoalan Hadīth Shadh dan Hadīth Munkar, Ibn Hajar berbeza pendapat dengan Ibn al-Ṣalāh. Bagi Ibn Hajar, terdapat perbezaan yang nyata di antara Hadīth Shadh dan Hadīth Munkar dari aspek yang dipercayai (thiqah) atau yang lemah (ḍā'if) terhadap seseorang perawi.

Sedangkan menurut Ibn al-Ṣalāh tiada perbezaan di antara keduanya. Menurut Ibn Hajar, Hadīth Shadh ialah Hadīth di mana perawi yang thiqah menafikan seorang perawi yang lebih thiqah darinya. Manakala Hadīth Munkar pula ialah perawi yang ḍā'if menafikan perawi yang thiqah. Daripada takrifan tersebut jelaslah perbezaan di antara Shadh dan Munkar.

Walaupun terdapat beberapa perbezaan yang ketara di dalam beberapa aspek Ilmu Hadīth di antara Ibn Hajar dan Ibn al-Ṣalāh, tetapi masih terdapat beberapa persamaan di antara keduanya di dalam aspek-aspek yang tertentu. Sebagai seorang tokoh Hadīth yang berwibawa di zamannya, sudah pasti pandangan yang diberikan oleh Ibn Hajar di dalam beberapa persoalan agak kritikal dan mendalam.

¹ Lihat Ibn Hajar, Nuzhah al-Nazar, h.5 dan Ibn al-Ṣalāh, Muqaddimah, h.7

Keadaan ini mungkin berbeza dengan sikap beberapa ulama' Hadith yang lain terhadap sesuatu persoalan yang hanya membincangkan secara umum sahaja dan tidak terperinci. Walaubagaimanapun kesemua mereka tetap memberikan sesuatu sumbangan yang bererti terhadap perkembangan Ilmu Hadith.

Berdasarkan huraian di atas, amat jelas sekali peranan yang dimainkan khususnya oleh Ibn Hajar di dalam memperkembangkan disiplin Ilmu Hadith. Di samping itu tidak dilupakan juga peranan ulama-ulama Hadith selain daripada Ibn Hajar.